

Headline	Ulam pucuk gajus rahsia awet muda		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	20 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	32	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,962



Segamat

Ulam pucuk gajus rahsia awet muda

Rahsia awet muda dengan menjadikan pucuk gajus sebagai ulam antara faktor tumbuhan itu menjadi tanaman pilihan penduduk sekitar daerah ini.

Tidak hanya diminati kerana buah dan bijinya, pucuk pokok gajus terbukti mampu membantu meningkatkan kesihatan serta menaikkan seri wajah.

Herba dengan nama saintifiknya *Anacardium occidentale* ini turut terkenal dengan panggilan ketereh, janggus dan jambu golok dalam kalangan penduduk tempatan.

Pemilik pokok gajus, Nur Ashikin Mohd Ali, 21, berkata, dia amat bertuah dan bersyukur kerana bapanya, Mohd Ali Aris, 50-an menanam banyak pokok gajus di sekitar rumah.

Menurutnya, penyelidik Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) sebelum ini membuktikan pu-



GAJUS

cuk gajus boleh mengurangkan risiko penyakit kronik selain meneutral dan melawan toksik di dalam badan.

“Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mendedahkan kandungan antioksidan di dalam pucuk gajus boleh melambatkan proses penuaan.

“Kebetulan, saya menuntut Ijazah Sarjana Muda Kesenian Melayu Universiti Malaya (UM) dan ia sedikit sebanyak dapat mengumpul maklumat berhubung khasiat ulam ini,” katanya yang menetap di Kampung Melayu Bukit Siput di sini, semalam.